5-3.11(A) Cadangan Zon Pengeluaran Hasil Pertanian Sihat	Swasta/ Kerajaan	Tiada Kos Fiskal	Kerajaan/ Swasta			

### A-2.3 Kaedah Pelaksanaan Cadangan

Peranan MPB sebagai agensi teras adalah penting dalam pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan RT. Namun begitu, pelaksanaan cadangan-cadangan bagi pembungunan RT Daerah Bentong ini akan dibantu oleh agensi-agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan termasuk pihak swasta.

Jadual A5: Jabatan dan Agensi Kerajaan yang Terlibat dalam Pelaksanaan Cadangan RT Daerah Bentong

Jabatan Kerajaan Negeri		Peranan
MPB	Majlis Perbandaran Bentong	Agensi teras dalam perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan pembangunan di RTD
JPN	Jabatan Pertanian Negeri Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan produktiviti pertanian melalui industri asas tani</li> <li>Mempercepatkan transformasi sektor pertanian kepada sektor yang moden, dinamik dan komersial</li> </ul>
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang	Mengurus dan menyelenggara sungai-sungai dan pelebaran parit-parit sedia ada
JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang	Meningkatkan produktiviti penternakan dan memajukan kawasan padang ragut
JKR	Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang	Membina dan menaiktaraf jalan jalan baru dan sedia ada
JPN	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan Hutan Simpanan Kekal (HSK)</li> <li>Pelaksanaan usaha-usaha pembangunan, memulihara dan menghutan semula</li> <li>Pelaksanaan dasar-dasar dari penguatkuasaan undang-undang perhutanan</li> </ul>
JAIP	Jabatan Agama Islam Pahang	Pembangunan dan kemudahan masjid/surau serta tanah perkuburan islam
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri	Merancang dan menyelaraskan projek-projek pembangunan bagi Kerajaan Negeri Pahang
Agensi Negeri		
PKNP	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	Menceburi dalam bidang pelaburan perindustrian, harta tanah, perladangan, pelancongan, pelaburan baru dan pembangunan keusahawanan
PAIP	Pengurusan Air Pahang Berhad	Membangunkan industri perkhidmatan air negeri melalui pembekalan air bersih
MIDA	Malaysia Investment Development Authority (Pahang)	Menarik, memudahcara dan membantu pelaburan tempatan dan antarabangsa melalui peranannya sebagai pusat perkhidmatan serenti untuk pelabur.
Jabatan Persekutuan		
JKM	Jabatan Kesihatan Malaysia	Membina pusat kesihatan dan hospital
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri	Pembangunan kemudahan pendidikan
JAS	Jabatan Alam Sekitar	Memastikan cadangan projek mematuhi kepentingan alam sekitar dan menjalankan pemantauan
JPM	Jaatan Perumahan Malaysia	Merancang dan menyelaraskan pembangunan rumah mampu milik
PDRM	Polis Di Raja Malaysia	Pembangunan kemudahan dan kawalan keselamatan
JWN	Jabatan Warisan Negara	Merancang, melaksana dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan warisan serta mendaftar warisan negara untuk tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan
KPKM	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	Mempromosi produk-produk pelancongan dan terlibat dengan peningkatarafan projek dan produk pelancongan
KKLBW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia	Membina pusat-pusat transformasi luar bandar dan bandar serta membekal kemudahan awam secara bersepadu
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains	Membangun kawasan landskap geologi semulajadi
Badan-Badan Berkanun		
TNB	Tenaga Nasional Berhad	Pembinaan pencawang elektrik dan naik taraf PPU
TM	Telekom Malaysia	Pembinaan pencawang telekomunikasi dan projek peningkatan telekomunikasi luar bandar
JPP	Jabatan Perkhidmatan Pembedungan	Melaksanakan projek-projek pembedungan dan menasihati Kementerian Tenaga dan Teknologi Hijau dan Air berkaitan dengan isu pembedungan.

*THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK*

# JILID 3

A-3.1 Peningkatan Hasil Pendapatan

A-3.2 Bank Tanah dan Hartanah

A-3.3 Sumber Pembiayaan

A-3.4 Potensi Majlis Perbandaran Bentong (MPB) Ke Arah  
Majlis Bandaraya



## A-3 IMPLIKASI PELAKSANAAN

*THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK*

## A-3 Implikasi Pelaksanaan

### A-3.1 Peningkatan Hasil Pendapatan

Pelaksanaan RTD Bentong 2035 akan memberi implikasi kepada hasil pendapatan Majlis Perbandaran Bentong (MPB) serta menyediakan peluang untuk mendapatkan sumber pembiayaan projek-projek RT yang dicadangkan.

#### A-3.1.1 Kutipan Hasil Cukai Tahunan

Cukai taksiran atau cukai pintu tahunan merupakan hasil tahunan kepada MPB dimana cukai dikenakan ke atas semua pegangan di dalam kawasan pentadbirannya.

Jenis-jenis harta yang dimaksudkan adalah:

- Kediaman
- Perdagangan dan Perusahaan seperti kilang, kedai, stesen minyak, hotel dan sebagainya.

Bilangan pegangan dan hasil cukai taksiran dijangka akan meningkat dengan pertambahan keluasan zoning RT MPB bagi kawasan perumahan, perniagaan dan perindustrian.

Selain itu, jumlah cukai taksiran adalah berdasarkan kepada nilai sewa tahunan harta berkenaan. Pelaksanaan kenaikan cukai takdiran perlu mengambil kira faktor-faktor berikut:

- Bangunan-bangunan baru
- Bangunan-bangunan sedia ada yang dibuat pengubahsuaian bangunan
- Bangunan-bangunan di kawasan bandar yang menerima perkhidmatan dan prasarana perbandaran
- Bangunan perniagaan dan bangunan perindustrian di Kawasan kampung dan luar bandar

#### A-3.1.2 Caj Pemajuan (*Development Charges*)

Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, membenarkan caj pemajuan dikenakan jika Rancangan Tempatan menghasilkan perubahan guna tanah/ketumpatan sehingga menyebabkan peningkatan dalam nilai tanah tersebut. MPB oleh menentukan jumlah kadar bayaran pemajuan (Seksyen 33). Caj hanya boleh dikenakan selepas RT Daerah Bentong, Pahang (Penggantian) 2035 diwartakan. Caj boleh dikenakan bagi pemajuan yang melibatkan:

- Perubahan penggunaan tanah
- Perubahan ketumpatan
- Perubahan luas lantai

Kepentingan caj pemajuan adalah:

- Sumber kewangan tambahan PBT selain daripada kutipan cukai taksiran, lesen perniagaan dalam lain-lain
- Boleh digunakan semula oleh PBT untuk pembangunan kawasan serta pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan awam.



### A-3.2 Bank Tanah dan Hartanah

Cadangan zoning RT memberi peluang kepada MPB untuk menambahkan asset sedia ada dengan memperbanyakkan Bank Tanah. Ini bagi menjamin MPB mempunyai asset yang kukuh di masa hadapan dan memudahkan MPB untuk melaksanakan pembangunan hartanah dengan lebih baik.

Konsep Bank Tanah adalah seperti berikut:

- MPB perlu mengenalpasti tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk kegunaan pembangunan masa depan.
- Tanah-tanah kerajaan tersebut perlu dimohon oleh MPB berserta cadangan pembangunan bagi memastikan cadangan tersebut mampu dilaksanakan oleh MPB.

### A-3.3 Sumber Pembiayaan

Sumber pembiayaan bagi melaksanakan projek pembangunan RTD Bentong 2035 adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Negeri dan swasta. Selain itu, ia juga boleh diperolehi melalui peruntukan sedia ada di bawah akta-akta berikut:

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

### A-3.4 Potensi Majlis Perbandaran Bentong (MPB) Ke Arah Majlis Bandaraya

Penaiktarafan MPB kepada sebuah Majlis Bandaraya dijangka dapat memberi banyak manfaat kepada MPB. Antaranya ialah dari segi pengukuhan organisasi, sumber kewangan dan cukai, serta peningkatan fungsi dan peranan MPB terutama dalam membangunkan kawasan pentadbirannya.

# JILID 3

A-4.1 Pengukuhan Peranan MPB sebagai Agensi Pelaksana dan Penyelaras Utama Pembangunan

A-4.2 Penguatkuasaan Pengawasan Perancangan

A-4.3 Penubuhan Jawatankuasa Khas Penyelarasan dan Pemantauan

A-4.4 Penyediaan Rancangan Kawasan Khas/ Pelan Tindakan Khas



## A-4 MEKANISME PELAKSANAAN RT



*THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK*

## A-4 Mekanisme Pelaksanaan RT

### A-4.1 Penguatan Peranan MPB sebagai Agensi Pelaksana dan Penyelaras Utama Pembangunan

Bagi melaksanakan projek-projek yang dicadangkan dalam RT Daerah Bentong, Pahang (Penggantian) 2035 berjalan lancar dan mencapai matlamat, MPB perlu memainkan peranan sebagai agensi pelaksana dan penyelaras utama pembangunan di Bentong.

### A-4.2 Penguatkuasaan Pengawasan Perancangan

Pengawasan perancangan di kawasan MPB boleh dilakukan melalui peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas kesalahan yang berhubungkait dengan pemajuan yang melanggar peruntukan akta tersebut.

Jadual A6: Seksyen-seksyen di dalam Akta 172, yang ada kaitan dengan pengawasan perancangan

Seksyen	Agensi Pelaksana
<b>Seksyen 19</b> Larangan Mengenai Pemanjuaan Tanpa Kebenaran Merancang	Menjelaskan tentang kuasa PBT untuk melaksanakan pemajuan. Tiada seorang pun selain PBT yang boleh memula, mengusaha atau menjalankan apa-apa pemajuan tanpa kebenaran merancang
<b>Seksyen 20</b> Larangan Mengenai Pemajuan yang Berlawanan Dengan Kebenaran Merancang	Sesiapa pun tidak dibenarkan untuk memula, mengusaha atau menjalankan apa-apa pemajuan yang bercanggah dengan jenis pembangunan yang dibenarkan semasa kebenaran merancang
<b>Seksyen 20 (A)</b> Jabatan atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Perlu Berunding untuk Akta Pemajuan	Menjadi kewajipan bagi semua jabatan atau agensi kerajaan persekutuan dan negeri untuk berunding dengan Jawatankuasa tentang apa-apa aktiviti pemajuan yang ia bercadangkan supaya dijalankan dalam negeri
<b>Seksyen 25</b> Penarikbalikan dan Pengubahsuaian Kebenaran Merancang dan Kelulusan Pelan Bangunan	PBPT boleh menarik semula dan mengubahsuaikan kebenaran merancang yang telah diluluskan sekiranya melabatkan kepentingan awam. Dengan maklumat yang terperinci tindakan boleh diambil untuk merobohkan bangunan dan membayar kos pampasan (melalui tuntutan bayaran kepada PBPT)
<b>Seksyen 27</b> Penguatkuasaan Berkenaan Dengan Melanggar Seksyen 19	PBPT boleh menyampaikan notis kepada pihak terbabit berhubung dengan aktiviti pembangunan yang sedang/dijalankan tanpa mendapat kebenaran merancang


Seksyen	Agensi Pelaksana
<b>Seksyen 28</b> Penguatkuasaan Berkenaan Dengan Melanggar Seksyen 20	PBPT boleh menyempatkan notis berhubung pembangunan yang sedang/dijalankan tanpa mendapat kebenaran merancang. Pemaju boleh dikenakan denda sekiranya pemajuan masih lagi dijalankan setelah notis amaran diberikan.
Perintah Pemeliharaan Pokok Mengikut <b>Seksyen 35A(4)</b>	PBPT mengeluarkan perintah pemeliharaan pokok bagi mengawal penebangan pokok yang diancam kepupusan/mempunyai nilai istimewa.
Perintah Penggantian Pokok Mengikut <b>Seksyen 35E</b>	Seseorang yang menebang pokok yang tertakluk di bawah perintah ini perlu menggantikan semula pokok melalui penanaman semula
Larangan Menebang Pokok yang Lilitannya Melebihi 0.8 Meter Mengikut <b>Seksyen 35H</b>	Seseorang akan didapati bersalah sekiranya menebang pokok yang lilitannya melebihi 0.8m atau lebih, tanpa kebenaran bertulis dari PBPT

### A-4.3 Penubuhan Jawatankuasa Khas Penyelarasan dan Pemantauan

Proses pemantauan adalah pendekatan yang harus dilakukan secara bersepadu dari agensi-agensi kerajaan yang terlibat bagi memudahkan aktiviti pemantauan dan penyelarasan semua projek-projek cadangan RT Daerah Bentong, Pahang (Penggantian) 2035.

Berdasarkan rajah A1, Pegawai Daerah dan YDP MPB akan bertindak sebagai pengerusi bagi jawatankuasa ini manakala Setiausaha Majlis pula akan dibantu oleh Bahagian OSC dalam memastikan jawatankuasa ini bertindak lebih berkesan. Ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada Ahli Majlis, Ketua-ketua Bahagian Teknikal dalam MPB, Bahagian Pembangunan Luar Bandar dan Pejabat Tanah dan Daerah. Selain itu, jawatankuasa ini juga akan dipantau oleh jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan diperingkat negeri.

Rajah A1: Carta Organisasi Jawatankuasa Penyelarasan dan Pemantauan RT Daerah Bentong, Pahang (Penggantian) 2035



#### A-4.4 Penyediaan Rancangan Kawasan Khas/ Pelan Tindakan Khas

Penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) disediakan seperti penyediaan Rancangan Tempatan (RT). RKK mengandungi Pelan Tindakan Pembangunan (Pelan Susun Atur atau Pelan Pengurusan) dan disokong oleh Spesifikasi Pembangunan Terperinci dan Jadual Tindakan Pembangunan.

##### Keperluan Penyediaan RKK

Keperluan penyediaan RKK terbahagi kepada 2. Antaranya ialah:

- i. Sub Seksyen 16a(1) Akta 172
  - Pengarah PLANMalaysia Negeri atau PBPT boleh menyampaikan kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) cadangan untuk menyediakan RKK bagi suatu kawasan khas.
- ii. Sub Seksyen 16b(1)(2)(3) Akta 172
  - Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) menentukan sama ada Pengarah PLANMalaysia Negeri atau PBPT yang berkenaan diberi tanggungjawab menyediakan RKK.

##### Cadangan Penyediaan RKK

RT Daerah Bentong, Pahang (Penggantian) 2035 telah mengenalpasti beberapa kawasan yang perlu diberi keutamaan dalam Penyediaan Rancangan Kawasan Khas/Pelan Tindakan Khas seperti Cadangan Koridor Eko Pelancongan Daerah Bentong

# JILID 3

B-1.1 Pemantauan RT Melalui Penilaian Hubungkait Antara Strategi Pembangunan Dengan Pencapaian Sasaran RT



**B-1 PEMANTAUAN RANCANGAN TEMPATAN**

*THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK*

## B-1 Pemantauan Rancangan Tempatan

### B-1.1 Pemantauan RT Melalui Penilaian Hubungkait Antara Strategi Pembangunan Dengan Pencapaian Sasaran RT

Berikut merupakan pemantauan RT melalui penilaian hubungkait antara strategi pembangunan dengan pencapaian sasaran RT.

Jadual B1: Pemantauan RT Melalui Penilaian Hubungkait Antara Strategi Pembangunan Dengan Pencapaian Sasaran RT

#### TERAS 1: Perancangan Guna Tanah dan Kemampunan Daya Tahan Persekitaran

Strategi	Sasaran
Pembangunan Fizikal Bandar Yang Teratur dan Terkawal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sasaran menjadikan Bandar Bentong dan Karak dalam mencapai hierarki Bandar Tempatan (DPN2)</li> <li>Menstruktur semula guna tanah di Pusat Bandar Bentong</li> <li>Membangunkan pusat-pusat petempatan berdasarkan hierarki bandar yang ditetapkan oleh DPN2 dan RSN Pahang.</li> </ul>
Pengekalan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pewartaan KSAS sektoral mengikut bidang kuasa agensi kerajaan yang sesuai.</li> <li>Pengekalan keluasan HSK yang dilitupi pokok-pokok hutan (82,766.16 hektar)</li> <li>Tidak membangunkan kediaman berkepadatan sederhana dan tinggi di laluan garis sesar ini.</li> </ul>
Memastikan Pengurusan Alam Sekitar Yang Lestari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bacaan IKA berada pada bacaan melebihi 92 IKA untuk mencapai air bersih (Kelas 1)</li> <li>Bacaan IPU untuk udara baik (0-50 IPU) mencatatkan sebanyak 200 hari.</li> <li>Tiada lagi pembuangan sampah sarap, efluen dan kumbahan yang ketara dan mampu merendahkan kualiti air.</li> <li>Kawasan perumahan, perniagaan dan perindustrian yang mesra alam.</li> <li>Tiada lagi pembuangan sampah sarap, efluen dan kumbahan yang ketara dan mampu merendahkan kualiti air.</li> </ul>
Mengambil kira Kawasan Risiko Bencana Dalam Perancangan Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjelang tahun 2035, risiko bencana dikurangkan</li> <li>Pengurusan bencana tanah runtuh/gelinciran untuk kawasan terancam iaitu di Genting Highlands dan Bukit Tinggi</li> <li>Mengurangkan kerugian ekonomi yang tinggi selepas bencana menjelang 2035</li> <li>Sumbangan dan bantuan dapat diedarkan kepada mangsa bencana</li> <li>Penyediaan peta laluan evakuasi</li> </ul>

#### TERAS 2: Komuniti Inklusif dan Kecekapan Infrastruktur

Strategi	Sasaran
Meningkatkan Penyediaan Kemudahan Perumahan dan Perumahan Mampu Milik Bagi Menampung Keperluan Penduduk.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan semua golongan berpendapatan rendah berpeluang memiliki kediaman dengan sasaran satu isi rumah, satu rumah.</li> <li>Memastikan golongan masyarakat orang asli mendapat kemudahan perumahan yang berkualiti.</li> <li>Menyediakan kemudahan perumahan mampu milik khusus bagi masyarakat FELDA</li> </ul>
Membangunkan dan Memperkukuh Fungsi Pusat Petempatan Desa (PPD) Terpilih	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperlengkap semua PPD dengan kemudahan untuk aktiviti perniagaan dan perkhidmatan.</li> <li>Melaksanakan program pengukuhan fungsi PPD di semua PPD dalam Daerah Bentong</li> </ul>


**TERAS 2: Komuniti Inklusif dan Kecekapan Infrastruktur (Sambungan)**

Strategi	Sasaran
Penyediaan Pelbagai Kategori Kemudahan Masyarakat Yang Selaras Dengan Keperluan Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan keseimbangan taburan kemudahan pendidikan antara kawasan disamping mengambil kira pertambahan penduduk.</li> <li>Mewujudkan kemudahan Pendidikan bagi golongan OKU</li> <li>Mewujudkan komponen kemudahan sukan dan rekreasi secara berpusat dan berintegrasi.</li> <li>Menyediakan sebuah pusat latihan baru di kawasan yang strategik.</li> <li>Memperluaskan kemudahan kesihatan untuk penduduk dalam Daerah Bentong.</li> <li>Mempertingkatkan kemudahan keselamatan Daerah Bentong.</li> <li>Menaik taraf dan penyediaan perpustakaan awam digital akan meningkatkan kemahiran digital dalam kalangan komuniti desa.</li> </ul>
Mengurangkan Risiko Banjir dan Pemeliharaan Sistem Saliran Utama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Banjir Kilat : sifar</li> <li>Sungai Bentong yang bersih, indah dan bebas kelodak</li> <li>Pengurangan kejadian banjir kilat di kawasan tepu bina dan perbandaran</li> <li>Simpang Pelangai yang bebas banjir</li> <li>Pengurangan kejadian banjir kilat di pusat bandar Bentong dan sekitarnya</li> </ul>
Meningkatkan Kecekapan Prasarana Infrastruktur dan Utiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan alam sekitar yang lestari dan mampan melalui pengurusan sistem pembetungan yang mesra alam dengan melaksanakan program penggantian tandas curah kepada Tangki Septik Individu (IST)</li> <li>Pengurusan sisa pepejal yang lebih sistematik dan teratur.</li> <li>Persekitaran hidup yang bersih dan peningkatan kesihatan serta keselamatan bagi orang awam juga pekerja sektor binaan.</li> <li>Sistem Bekalan Air yang lebih efektif, efisien dan <i>reliable</i>.</li> <li>Aksesibiliti internet yang lebih meluas merangkumi kawasan luar bandar .</li> </ul>
Meningkatkan Penawaran Ruang Lantai Perniagaan di Pusat-Pusat Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan ruang perniagaan yang mencukupi di semua pusat pertumbuhan utama dan kecil</li> </ul>
Penyediaan Premis Perniagaan Informal Di Pusat-Pusat Perkhidmatan dan Pusat-Pusat Pelancongan Eko	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melengkapkan cadangan kemudahan medan selera dalam kawasan tumpuan penduduk</li> <li>Pertambahan kawasan pusat jualan hasil tani di daerah Bentong</li> <li>Melengkapkan kemudahan pusat jualan hasil tani di kawasan tumpuan penduduk</li> </ul>
<i>Rebranding</i> dan Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Lama dan Terbiar Dalam Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penjenamaan semula kawasan lama dalam bandar</li> <li>Menghidupkan kembali aktiviti perniagaan yang semakin suram</li> <li>Guna semula bangunan secara ekonomik dan efektif</li> <li>Meningkatkan imej bangunan dan bandar</li> </ul>
Kawasan Perindustrian Baharu Bagi Menampung Permintaan Aktiviti Industri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memenuhi permintaan kawasan industri baru menjelang 2035</li> <li>Selaras dengan keperluan unjuran</li> </ul>
Pengkhususan Kawasan Industri Berasaskan Kluster	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan aktiviti industri yang lebih terancang</li> </ul>
Mengukuhkan Aktiviti PKS Dengan Penyediaan Premis PKS Khususnya Untuk Aktiviti Proses Hasil Pertanian dan Makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat aktiviti PKS yang memenuhi keperluan penduduk setempat</li> </ul>
Program Naiktaraf Infrastruktur Kawasan Industri Sediada	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan fizikal kawasan industri yang baik</li> <li>Kekurangan program pengindahan landskap kawasan industri</li> </ul>
Meningkatkan Tahap Aksesibiliti Diantara Kawasan Bandar dan Luar Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melengkapkan cadangan naiktaraf jalan dan cadangan rangkaian jalan baru dalam Daerah Bentong</li> <li>Sekurang-kurangnya Tahap Pehidmatan Persimpangan D (LOS C) bagi semua persimpangan utama</li> </ul>
Kemudahan Pengangkutan Awam Yang Efisien dan Keboleharapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>60% penggunaan mod pengangkutan awam</li> </ul>
Sistem Pengurusan Lalu Lintas Bandar Yang Cepak dan Berkesan	<ul style="list-style-type: none"> <li>100% pengurangan kesesakan lalu lintas di Pusat Bandar</li> <li>100% pembinaan laluan pejalan kaki</li> </ul>

**TERAS 3:** Pembangunan Ekonomi, Pelancongan dan Reka Bentuk Bandar Berdaya Maju

Strategi	Sasaran
Menjadikan Bentong Sebagai Bandar Pelancongan Bertanah Tinggi Yang Berataraf Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencapai 6,472,148 jumlah kedatangan pelancong ke Daerah Bentong pada tahun 2035</li> </ul>
Mewujudkan dan Membangunkan Tarikan Produk Pelancongan Baru	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperluas kumpulan sasaran pelancong dan aktiviti pelancongan di Bentong</li> </ul>
Mengantarabangsakan Produk Eko Pelancongan Di Bentong	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadikan Janda Baik produk pelancongan bertaraf antarabangsa di Bentong seiring Genting Highland dan Bukit Tinggi</li> </ul>
Meningkatkan Tarikan dan Kualiti Produk Pelancongan Sedia Ada Bagi Memanfaatkan Sumberjaya Semulajadi Di Bentong	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadikan Bentong sebagai satu destinasi eko pelancongan yang berkualiti dan terkemuka</li> <li>Mewujudkan laluan khas pelancongan yang komprehensif bagi menghubungkan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan utama di Daerah Bentong</li> </ul>
Mempelbagai Kaedah Promosi Produk Pelancongan Serta Menawarkan Pakej Pelancongan Yang Menarik Kepada Pelancong Domestik dan Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan satu platform utama dan bersepadu dalam mempromosi produk pelancongan di Bentong</li> <li>Mewujudkan laluan khas pelancongan yang komprehensif bagi menghubungkan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan utama di Daerah Bentong</li> </ul>
Menjadikan Bentong Sebagai Sebuah 'Eco City' Yang Kompleks, Menarik dan Beridentiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempertingkatkan identiti dan imej Bentong sebagai pusat bandar yang kompleks dan menarik</li> </ul>
Meningkatkan Identiti Bandar Melalui Pembaharuan Semula Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadikan Bentong sebuah pusat bandar yang kompleks, menarik dan beridentiti</li> </ul>
Meningkatkan Imej dan Identiti Rupa Bentuk Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadikan Daerah Bentong sebagai sebuah daerah yang mempunyai identiti tersendiri dan unik</li> </ul>
Menaiktaraf Pembangunan Persisiran Sungai Sebagai <i>River Of Life</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadikan Bentong sebagai satu daerah yang mempunyai pelbagai sumber semulajadi yang masih terpelihara</li> <li>Menyediakan kemudahan rekreasi dan riadah yang mencukupi dan selesa serta memenuhi keperluan penduduk sekitarnya.</li> </ul>
Meningkatkan Elemen Pengindahan, Kebersihan dan Mewujudkan Persekitaran Bandar Selamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan imej landskap di empat (4) pintu masuk dan jalan-jalan utama ke Daerah Bentong.</li> <li>Meningkatkan kualiti kemudahan awam serta perabot landskap yang sesuai bagi menampung keperluan pertambahan penduduk pada tahun 2035</li> <li>Menyediakan kemudahan rekreasi dan riadah yang mencukupi dan selesa serta memenuhi keperluan penduduk sekitarnya.</li> <li>Memastikan perancangan pembangunan mengambil kira aspek pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan semulajadi.</li> <li>Mewujudkan persekitaran yang berkualiti dan selesa dengan menampilkan bandar dalam taman yang lebih berkonsepkan pembangunan mampan.</li> </ul>
Merancang Pusat Pemasaran Hasil Agro Di Kawasan Yang Strategik.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap kawasan penghasilan hasil pertanian dan buah-buahan mempunyai pusat pengumpulan yang khusus.</li> </ul>
Meningkatkan Inovasi dan Produktiviti Dalam Sektor Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi khidmat nasihat kepada pengusaha dan petani</li> <li>Pencapaian optimum hasil getah dan kelapa sawit yang diusahakan oleh FELDA dan pengusaha persendirian</li> <li>Menjelang 2035, hasil produktiviti aktiviti akuakultur dijangka akan meningkat lebih 500MT setahun.</li> <li>Projek tanaman berintegrasi di kesemua lokasi padang ragut</li> <li>Pemajuan TKPM Lebu dan Agropolitan Chemomoi seperti sasaran oleh Jabatan Pertanian</li> </ul>
Menjadikan Daerah Bentong Sebagai Pusat Pengeluaran Hasil Pertanian Sihat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadikan Daerah Bentong Sebagai Pusat pengeluaran Hasil Pertanian Sihat</li> </ul>



*THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK*

# JILID 3

- C-1.1 Pengenalan
- C-1.2 Pembangunan Model Pangkalan Data
- C-1.3 Senarai Lapisan Data
- C-1.4 Proses Penyediaan Data
- C-1.5 Analisis Geospasial
- C-1.6 Contoh Kandungan Metadata Bagi RT Daerah Bentong



## C-1 PENGKALAN DATA SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

*THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK*

## C-1 SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)


### C-1.1 Pengenalan

Sistem maklumat geografi merupakan sebuah sistem pengurusan maklumat, pengolahan, penganalisaan dan pengeluaran maklumat yang memerlukan perisian, perkakasan, pangkalan data, prosedur dan kemahiran kakitangan yang mengguna dan mengurus maklumat. I-Plan merupakan satu inisiatif pembangunan sistem yang dikendalikan oleh Bahagian Maklumat guna tanah Negara, PLANMalaysia Semenanjung Malaysia bagi menyimpan, mengurus, mengemaskini, menganalisis serta membekal maklumat data guna tanah di Semenanjung Malaysia. Setiap data guna tanah dari Kajian Rancangan Pemajuan akan disimpan oleh PLANMalaysia dalam pelbagai format data dan sumber data Rancangan Tempatan ini disalurkan oleh I-Plan melalui PLANMalaysia@Pahang, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Teknikal dan juga hasil dari kajian semula Rancangan Daerah Bentong, Pahang 2035 yang akan dijalankan selama lapan (8) bulan bermula 2 April – 1 Disember 2018.

### C-1.2 Pembangunan Model Pangkalan Data

Model Pangkalan Data bagi Kajian Rancangan Tempatan Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian) adalah berdasarkan Manual Metadata yang dikeluarkan oleh PLANMalaysia Semenanjung Malaysia Edisi 2018 yang terbahagi kepada lima komponen utama iaitu:

**Rajah C-1.1 :** Model Pangkalan Data GIS Kajian Rancangan Tempatan Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian)



Sumber : Bahagian Maklumat guna tanah Negara (BMGN), PLANMalaysia, 2018



### C-1.3 Senarai Lapisan Data

Berikut adalah senarai lapisan data yang disenaraikan ini merujuk kepada metadata yang dikumpul dari sektoral dan juga daripada jabatan teknikal:

Bil	Nama Fail	Kandungan Data	Bentuk	Sumber
<b>01_KADASTER</b>				
1	LOT_NDCDB	Data Kadaster	Poligon	BMGN
<b>02_guna tanah</b>				
2	Semasa (G06011808)	Guna tanah semasa Daerah Bentong	Poligon	BMGN/I-Plan
3	Komited (K06011808)	Guna tanah komited yang telah diluluskan dalam Daerah Bentong	Poligon	MPB
4	Zoning	Cadangan Zoning RT Bentong 2035	Poligon	
<b>03_PERSEMPADANAN</b>				
5	Negeri	Sempadan negeri bagi Daerah Bentong	Poligon	BMGN
6	Daerah	Sempadan daerah bagi Daerah Bentong	Poligon	BMGN
7	Mukim	Sempadan mukim yang terdapat dalam Daerah Bentong	Poligon	BMGN
8	Blok Perancangan	Sempadan blok perancangan semasa bagi Daerah Bentong	Poligon	PLANMalaysia@ Pahang
9	Blok Perancangan Kecil	Sempadan blok perancangan kecil semasa bagi Daerah Bentong	Poligon	PLANMalaysia@ Pahang
10	Indeks	Peta Indeks Syit Piawaian JUPEM dalam Daerah Bentong	Garisan	BMGN
<b>04_INFRASTRUKTUR DAN UTILITI</b>				
UTILITI				
11	Bekalan Air	Maklumat sistem bekalan air	Poligon	URP
12	Elektrik	Maklumat sistem bekalan elektrik dan rangkaian rentis	Poligon	TNB
13	Telekomunikasi	Maklumat bekalan telekomunikasi	Poligon	TM
14	Pembetulan	Maklumat sistem pembetulan	Poligon	IWK
15	Sisa Pepejal	Kemudahan sisa pepejal dan tapak pelupusan sisa pepejal	Poligon	MPB
PENGANGKUTAN				
16	Jalan/LPT	Maklumat rangkaian jalanraya	Garisan	JKR
17	Rel	Maklumat Cadangan Jajaran Rel Pantai Timur	Garisan	PTD Bentong
18	Pengangkutan Awam	Rangkaian laluan sistem pengangkutan awam	Poligon	Kajian Lapangan
<b>05_PERANCANGAN</b>				
ALAM SEKITAR				
19	Sungai	Jajaran sungai	Garisan	JPS
20	Topografi	Garisan kontur sela 20 meter	Garisan	BMGN/JMG
21	Tanah Tanih	Kelas tanah untuk pertanian	Poligon	Jabatan Pertanian
22	Geologi	Struktur geologi	Poligon	JMG
23	Mineral	Sumber mineral	Titik	JMG
24	Hutan	Kawasan hutan	Poligon	Jab Perhutanan
25	Cerun	Kecerunan	Poligon	JMG

sambungan

Bil	Nama Fail	Kandungan Data	Bentuk	Sumber
26	Garisan Sesar	Jajaran garisan sesar	Garisan	JMG
27	KSAS_Bentong	Kawasan sensitif alam sekitar	Poligon	
28	Risiko	Kawasan berisiko berlaku bencana	Poligon	JMG
<b>PENDUDUK</b>				
29	Penduduk	Taburan penduduk mengikut Blok Perancangan	Poligon	DOSM
<b>EKONOMI</b>				
30	Perniagaan	Guna tanah perniagaan terperinci	Poligon	Sektoral
31	Industri	Guna tanah perindustrian terperinci	Poligon	Sektoral
32	Pertanian	Guna tanah pertanian/perikanan terperinci	Poligon	Sektoral
33	Pelancongan	Taburan kawasan pelancongan terperinci	Poligon	Sektoral
<b>SOSIAL</b>				
34	Perumahan	Maklumat kawasan perumahan terperinci	Poligon	Sektoral
35	Kemudahan	guna tanah kemudahan masyarakat terperinci	Poligon	Sektoral
36	Rekreasi	guna tanah rekreasi terperinci	Poligon	Sektoral
37	Felda	Kawasan Felda	Poligon	FELDA
38	Simpanan Melayu	Kawasan Tanah Simpanan Melayu	Poligon	PTD Bentong
<b>ANALISIS</b>				


Sumber : Bahagian Maklumat guna tanah Negara (BMGN), PLANMalaysia, 2018



### C-1.4 Proses Penyediaan Data

Data yang diterima daripada setiap sektoral akan diselaraskan mengikut file .TAB dan setiap komponen data yang dibentuk akan disimpan mengikut model pangkalan data yang dipanggil 'layer'. Proses kerja pembangunan pangkalan data ini adalah seperti **Rajah C-1.2**.

**Rajah C-1.2:** Proses Penyediaan Data RT Daerah Bentong, Pahang 2035



#### a) Penerimaan Data

Data yang diterima akan diproses dari aspek data atribut dan juga sistem koordinat yang ditetapkan bagi memastikan data yang dihasilkan disedia untuk digunakan oleh sektoral yang lain dan juga kesediaan data itu sendiri untuk di masukkan ke dalam sistem. **Jadual C-1.1** menunjukkan senarai data dan sumber.


**Jadual C-1.1 :** Sumber Perolehan Data Dan Maklumat

Data	Sumber
Komponen Kadaster	Perunding Utama dan PLANMalaysia
Komponen Guna Tanah	Perunding Utama dan PLANMalaysia
Komponen Persempadanan	Perunding Utama dan Sektoral
Komponen Infrastruktur dan Utiliti	Perunding Utama dan Sektoral
Komponen Perancangan	Perunding Utama dan Sektoral

#### b) Pengemaskinian Data

**Rajah C-1.3** menunjukkan proses pengemaskinian data bagi melengkapkan data sedia ada.

**Rajah C-1.3:** Proses Pengemaskinian



➤ **Kemasukan data (spatial dan atribut)**

Kemasukan data atribut dilaksanakan mengikut data setiap sektoral. Semakan data atribut dibuat dan diselaraskan dan akan melalui proses verifikasi yang dibincangkan bersama PLANMalaysia. Segala penambahan data atribut bagi setiap lapisan data akan ditambah oleh perunding sektoral sekiranya ada. Proses ini melibatkan setiap komponen data.

➤ **Penyuntingan data**

Proses penyuntingan berlaku setelah melalui proses verifikasi, dan setiap lapisan data yang telah dikenalpasti perlu dibetulkan semula termasuklah penambahan medan data. Penambahan medan data dibuat sekiranya perunding sektoral ingin menambah maklumat pada data spatial sedia ada.

➤ **Penstrukturan data**

Penstrukturan data melibatkan penyelarasan setiap maklumat dalam atribut seperti ejaan, singkatan perkataan yang dipersetujui (samada Kampung atau Kg.), kod guna tanah, medan data dan metadata yang diselaraskan oleh PLANMalaysia.

upi:	060102000126109
upi_jpb:	
gunatanah1:	Infrastruktur dan Utiliti
gunatanah2:	Pelupusan Sisa Pepejal
gunatanah3:	Tapak Pelupusan
nama:	Tapak Pelupusan Sampah Sg.Padang
kemaskini:	Ogos 2018
luas_h:	41.39308982512
fcode:	UA0040
kod_gtn:	IFU604
negeri_id:	06
daerah_id:	0601
mukim_id:	060102
seksyen_id:	060102000
no_lot:	
pbt_id:	206303
parlim_id:	
dun_id:	
tahun_data:	2,017


➤ **Pengesahan Data**

Seterusnya proses semakan kualiti data atribut melalui proses verifikasi daripada perbincangan bersama dengan PLANMalaysia. Data-data ini disemak bagi memastikan ketepatan data yang diterima bagi memudahcara pengurusan maklumat guna tanah perancangan di dalam I-Plan.

gunatanah1
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan
Perumahan

➤ **Penyimpanan Data**

Penyimpanan data adalah mengikut format \*.tab bersesuaian dengan keperluan PLANMalaysia.






## C-1.5 Analisis Geospasial

Berasaskan data-data yang diperolehi dalam Kajian RTD Bentong 2035, beberapa analisis telah dijanakan mengikut keperluan kajian. Analisis yang dijanakan pada masa ini merangkumi analisis ciri fizikal, analisis KSAS, analisis kesesuaian guna tanah, dan kemudahan masyarakat. Penjanaaan analisis bagi setiap sektor adalah seperti berikut:

### C-1.5.1 Analisis Ketinggian

Rajah C-1.4: Model Analisis Ketinggian Daerah Bentong




Jadual C-1.2: 'Reclass' Kelas Ketinggian Daerah Bentong

Kelas	Kelas Ketinggian	Luas (Hektar)	Peratus (%)
	< 150m	82,424.09	44.99
	151m – 300m	31,324.55	17.10
	301m – 1000m	64,701.10	35.32
	>1000m	4,749.26	2.59
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>183,199.00</b>	<b>100.00</b>

### C-1.5.2 Analisis Kecerunan


Rajah C-1.6: Model Analisis Kecerunan Daerah Bentong



Jadual C-1.3: 'Reclass' Kelas Kecerunan Daerah Bentong


Kelas	Kelas Kecerunan	Luas (Hektar)	Peratus (%)
I	<15°	115,947.85	63.29
II	16°-25°	23,120.05	12.62
III	26°-35°	39,421.60	21.52
IV	>35°	4,709.50	2.57
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>183,199.00</b>	<b>100.00</b>

Rajah C-1.5: Hasil Analisis Ketinggian bagi Daerah Bentong



Sumber:  
i. IPian, PLANMalaysia, 2017


Rajah C-1.7: Hasil Analisis Kecerunan bagi Daerah Bentong



Sumber:  
i. IPian, PLANMalaysia, 2017

**C-1.5.3 Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)**



**Rajah C-1.8:** Model Analisis KSAS Daerah Bentong



**PETUNJUK:**

- KSAS Tahap 1
- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3
- Luas KSAS

**Rajah C-1.9:** Tahap KSAS bagi Daerah Bentong




Sumber:  
i. IPPlan, PLANMalaysia, 2017



**C-1.5.4 Analisis Kawasan Tersedia Untuk Pembangunan**

Kaedah *Multi Criteria Analysis* (MCA) digunakan secara besar-besaran dalam menilai alternatif dan pemilihan terutamanya dalam mengenal pasti tapak terbaik untuk pembangunan (pemilihan tapak). Tujuan utama adalah untuk menilai tapak berpotensi mengikut kesesuaian untuk aktiviti yang dicadangkan (analisis kesesuaian tanah) bagi pembangunan berdasarkan kriteria yang disenaraikan biasanya digunakan untuk menyediakan pelan pembangunan.

**Rajah C-1.10:** Model Analisis Kawasan Halangan Untuk Pembangunan



**Jadual C-1.4:** Contoh Matrik manual bagi Kriteria Kawasan Halangan Untuk Pembangunan


Kriteria	Weightage (w)	Sub-Kriteria
Cerun	0	Melebihi 25 darjah
Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	0	KSAS Tahap 1
Badan Air	0	-
Tepubina	0	-
Komited	0	-

**Nota:** Untuk halangan pembangunan, membuat andaian bahawa semua kawasan halangan adalah tidak boleh untuk melakukan sebarang pembangunan. Jadi, andaian sifar (0) atau tiada weightage (w).

**Jadual C-1.5:** Hasil Peratusan Bagi Kawasan Halangan Dan Tersedia Untuk Pembangunan


Keluasan	Hektar	%
<b>Kawasan Halangan</b>	<b>119,786.63</b>	<b>65.39</b>
1. Kawasan Tepubina Kekal (termasuk rangkaian pengangkutan)		
2. Pembangunan Komited		
3. Kawasan Berkecerunan melebihi 25 darjah		
4. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)		
<b>Kawasan Tersedia</b>	<b>63,412.37</b>	<b>34.61</b>
<b>Keluasan RTD Bentong</b>	<b>183,199.00</b>	<b>100.00</b>

**Rajah C-1.11:** Hasil Analisis Kawasan Halangan Untuk Pembangunan



Sumber:  
i. Iplan, PLANMalaysia, 2017

**Rajah C-1.12:** Model Analisis Kawasan Potensi Untuk Pembangunan



**Jadual C-1.6:** Contoh Matrik bagi Kriteria Kawasan Potensi Untuk Pembangunan

Kriteria	Weightage (w)	Sub-Kriteria	Rating	Jumlah Skor
Cerun yang Sesuai	2	0° - 15°	2	4
		16° - 25°	1	2
Jalan utama	2	1km	1	2
Pusat Petempatan	3	Hierarki Bandar	3	9
		5km	2	6
		3km	1	3

*Nota:* Contoh penetapan pemberat bagi pengiraan jumlah skor boleh dilakukan secara manual mahupun pengiraan secara automatik di dalam 'field'

**Jadual C-1.7:** Hasil Keluasan bagi kawasan potensi pembangunan di Daerah Bentong

Potensi Pembangunan	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Tahap 1	13,291.33	20.96
Tahap 2	13,978.67	22.04
Tahap 3	36,142.38	57.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>63,412.37</b>	<b>100.00</b>

## 1 Kawasan Berpotensi Pembangunan Tahap 1

Kawasan yang tersedia yang terletak dalam radius pembangunan pusat bandar.

## 2 Kawasan Berpotensi Pembangunan Tahap 2

Kawasan yang tersedia yang terletak dalam koridor 1 km di sepanjang jalan utama yang terletak di luar radius pembangunan pusat bandar.


## 3 Kawasan Berpotensi Pembangunan Tahap 3

Kawasan yang tersedia untuk pembangunan yang terletak di luar kawasan keutamaan Tahap 1 dan 2.

## 4 Kawasan Tidak Bersedia/Halangan Pembangunan

Meliputi kawasan tepubina kekal, pembangunan komited, kawasan halangan fizikal yang berkecerunan melebihi 25 darjah, kawasan KSAS dan SMA.

**Rajah C-1.13:** Hasil Analisis Kawasan Potensi Untuk Pembangunan




Sumber:  
i. IPlan, PLANMalaysia, 2017

**C-1.5.5 Analisis Kemudahsampaian Pendidikan**

Analisis ini akan menunjukkan jarak efektif kemudahsampaian ke sekolah dalam tiga tahap. Analisis ini di janakan dengan mengambil kira faktor jarak sebagai kriteria utama dan Teknik ' Multiple Buffer ' digunakan bagi melihat jarak berganda lokasi sekolah ke kawasan sekitarnya. Kriteria analisis tahap kemudahsampaian adalah seperti di **Jadual C-1.6** dan **C-1.7**.

**Rajah C-1.14: Model Analisis Kemudahsampaian Sekolah Kawasan Bentong**



**Jadual C-1.8. : Kriteria Perletakan Sekolah Rendah**

Bil	Jarak	Tahap Efektif
1.	Kurang 0.8 km	Sangat Efektif
2.	0.8 km – 1.6 km	Efektif
3.	Lebih 2.4 km	Kurang Efektif


Sumber:  
i. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, JPBD 2013

**Jadual C-1.9: Kriteria Perletakan Sekolah Menengah**

Bil	Jarak	Tahap Efektif
1.	Kurang 1.6 km	Sangat Efektif
2.	1.6 km – 3.2 km	Efektif
3.	Lebih 4.8 km	Kurang Efektif


Sumber:  
i. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, JPBD 2013

**Rajah C-1.15: Hasil Analisis Kemudahsampaian Sekolah Rendah**



Sumber:

**Rajah C-1.16: Hasil Analisis Kemudahsampaian Sekolah Menengah**




Sumber:


### C-1.5.6 Analisis Tampungan Kemudahan Kesihatan

